

Projek The Malaysian Cohort yang berurusetia di Institut Perubatan Molekul UKM (UMBI) merupakan satu projek penyelidikan kebangsaan yang telah diluluskan oleh Kabinet dan ditaja sepenuhnya oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (**MOSTI**). Kami menjemput anda **WARGANEGARA MALAYSIA, BERUMUR 18 TAHUN DAN KE ATAS** yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut.

Kelayakan Minimum :

- Berumur tidak kurang dari 18 tahun
- Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan); DAN
- Lulus Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia (termasuk ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

***Hanya calon dengan kelayakan SPM hingga Diploma sahaja yang layak memohon*

Deskripsi tugas :

- Bertanggungjawab untuk mendapatkan data-data daripada peserta projek (menjalankan soal selidik dan pengukuran)
- Menguruskan data-data yang diperolehi dan memasukkannya ke dalam sistem
- Melaksanakan lain-lain tugas seperti yang diarahkan oleh Ketua Projek dan Ketua Bahagian/Unit dari semasa ke semasa

Lain-lain :

- Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang belum berkahwin/bujang dan boleh bekerja di lapangan atau luar Kuala Lumpur
- Makanan, minuman, pengangkutan & penginapan ditanggung semasa bertugas di lapangan
- Dilindungi oleh Skim Insuran Takaful Berkelompok

Cara Memohon:

Sila hantar resume berserta 1 keping gambar berukuran pasport, 1 salinan Kad Pengenalan, 1 salinan Sijil Kelahiran, salinan sijil-sijil akademik dan lain-lain dokumen berkaitan sahaja akan dipertimbangkan. Hantarkan permohonan anda ke alamat berikut:

Sekretariat The Malaysian Cohort Institut Perubatan Molekul UKM (UMBI) Tingkat 7, Blok Klinikal, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak 56000 Cheras, Kuala Lumpur (u.p Bahagian Pentadbiran/Perjawatan)

Tel : 03-91710415

Fax : 03-91710397

Emel : the_malaysian_cohort@yahoo.com.my

Taraf jawatan : **Kontrak**

Tarikh tutup permohonan : **Terbuka**

**** Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil menghadiri temuduga.**